



# PENDIDIKAN INTEGRITI DALAM KALANGAN REMAJA

**S**ERING kali kita terdengar istilah "integriti" diutarakan dalam kalangan profesional dan bukan profesional dalam bidang pekerjaan masing-masing bagi memupuk budaya kerja yang berasaskan nilai tertentu. Namun begitu, bagaimana pula halnya bagi remaja yang lazimnya bakal menempuhi alam pekerjaan juga pada suatu hari nanti? Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan integriti?

Menurut Mumtaz Begam Abdul Kadir dan Mohammed Sani Ibrahim dalam *Integriti: Peningkatan Kualiti Organisasi*, perkataan, "integriti" berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, *integrity*, yang merujuk berpegang

teguh pada prinsip kejujuran, mempunyai prinsip moral yang tinggi, kewibawaan, dan dapat ditafsirkan sebagai keutuhan. Menurut kedua-dua penulis ini juga, integriti turut dapat dikaitkan dengan kebolehpercayaan dan sikap sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.

Berbalik kepada persoalan mengenai remaja dan integriti, elemen integriti yang kerap kali dikaitkan dengan golongan pekerja seharusnya dipupuk lebih awal dalam masyarakat, khasnya remaja. Pepatah juga mengatakan "melentur buluh biarlah dari rebunginya."



Antara perkara yang dapat dilakukan bagi menerapkan pendidikan integriti dalam kalangan remaja termasuklah kepimpinan melalui contoh. Ibu bapa sebagai pemimpin dan pembimbing anak perlu mengamalkan nilai integriti terlebih dahulu supaya dapat menjadi contoh buat anak mereka agar tidak menjadi seperti "ketam mengajar anaknya berjalan lurus".

Individu yang bertanggungjawab memupuk nilai integriti, antaranya, ialah ibu bapa, guru, rakan seangkatan selain masyarakat sekeliling.

Antara perkara yang dapat dilakukan bagi menerapkan pendidikan integriti dalam kalangan remaja termasuklah kepimpinan melalui contoh. Ibu bapa sebagai pemimpin dan pembimbing anak perlu mengamalkan nilai integriti terlebih dahulu supaya dapat menjadi contoh buat anak mereka agar tidak menjadi seperti "ketam mengajar anaknya berjalan lurus". Sebagai contoh, ibu bapa perlu berterus terang dan bercakap benar dalam semua perkara supaya anak tidak terdidik dengan sikap

suka menipu yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Walaupun larangan ibu bapa terhadap sesuatu perkara itu bertujuan mengelakkan perkara buruk daripada berlaku, kejujuran seharusnya diamalkan dengan sebaik-baiknya. Sebagai contoh, ibu bapa sering kali memberitahu anak mereka untuk makan nasi sehingga habis kerana jika tidak, nasi akan menangis. Hal ini dapat menjadikan anak mereka terdidik dengan penipuan dan seharusnya dielakkan sedari awal.

Selain itu, ibu bapa perlu mengajar anak mereka, terutama golongan remaja, elemen integriti secara

langsung, seperti tidak mengharapkan balasan bagi setiap kerja rumah yang dilakukan, sama ada membersihkan bilik tidur sendiri ataupun kawasan rumah yang lain, serta amanah dengan setiap perkara yang dipertanggungjawabkan oleh ibu bapa, termasuklah menguruskan pembelian sesuatu barang di kedai.


Pendidikan integriti dalam kalangan remaja juga dapat dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung melalui subjek yang diajarkan di sekolah. Sebagai contoh, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam yang diajarkan kepada remaja perlu dititikberatkan oleh guru kerana kedua-dua mata pelajaran ini banyak mendedahkan pelajar kepada nilai murni, adab, dan akhlak yang baik, termasuklah unsur yang tergolong dalam aspek integriti. Pelajar perlu diberitahu tentang kepentingan mengamalkan integriti dalam setiap perkara yang dilakukan dan kesan

negatif kerana tidak mempraktikkannya, terutama pada masa hadapan apabila mereka menempuh alam pekerjaan. Menurut Mumtaz Begam Abdul Kadir dan Mohammed Sani Ibrahim, "Apabila pendidikan moral diabaikan, generasi baharu tidak mempunyai kesedaran tentang kod etika asas. Hal ini dapat menyebabkan mereka tidak dapat bekerja secara konstruktif."

Selain itu, dalam pengajaran Bahasa Melayu, guru dapat mengetengahkan peribahasa Melayu yang memiliki mesej penyampaian elemen integriti. Peribahasa Melayu sememangnya terkenal dengan unsur pengajaran dan nasihat, termasuklah dari segi tingkah laku, etika dan adat budaya baik yang dapat menyemai sikap bercakap benar, amanah, dan jujur untuk dipraktikkan oleh remaja. Antara contoh peribahasa yang menonjolkan nilai integriti dalam melakukan sesuatu pekerjaan termasuklah "harapkan pagar, pagar

makan padi" (dikhianati oleh orang yang dipercayai), "harapkan si untut menggamit, kain koyak diupahkan" (percaya kepada orang yang malas), "makan suap" (rasuah), "berniaga di hujung lidah" (orang pandai yang tidak jujur, suka menipu dan sebagainya), "lembu berpegang pada tali, manusia berpegang pada janji" (mengotakan janji yang dilakukan), "curi tulang" (culas dalam bekerja), dan "berjalan dari pintu belakang" (tidak jujur atau tidak menurut aturan yang sah).


Zulkifli Mohamed al-Bakri, penulis buku *Integriti dalam Islam*, dalam membincangkan cara memupuk integriti mencadangkan agar melakukan muhasabah atau menghitung diri dengan persediaan hati yang penuh sedar dan pemikiran yang terbuka. Muhasabah amat penting bagi mendorong minda remaja untuk mengubah diri ke arah pengamalan integriti dalam kehidupan mereka.



Hal ini dapat direalisasikan dengan lebih berkesan apabila wujud bantuan daripada guru kaunseling, fasilitator dalam aktiviti motivasi, malah rakan seangkatan turut berupaya membantu hal ini melalui program rakan pembimbing di sekolah. Selain itu, bahan bacaan yang menyampaikan mesej integriti juga dapat menyemai sikap berintegriti dalam kalangan remaja apabila bahan ini dapat ditemukan dengan mudahnya di perpustakaan di sekolah atau sudut bacaan di kelas. Oleh yang demikian, hal ini perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah demi membentuk generasi masa hadapan yang berintegriti.

Media massa juga perlu memainkan peranannya dalam memberikan pendidikan integriti terhadap remaja melalui program atau iklan yang menonjolkan nilai integriti, termasuklah iklan televisyen, radio, dan surat khabar. Rancangan khas buat remaja

yang memfokuskan penyampaian moral yang baik sebagai pendidikan buat warga ini perlu diwujudkan dengan lebih banyak oleh media. Perkara ini bukan sahaja dapat memberikan gambaran yang lebih jelas kepada remaja mengenai konsep integriti dan kepentingan menjadi insan berintegriti, sama ada pada peringkat individu, masyarakat ataupun negara, malah sikap ini akan lebih diingati oleh remaja, terutama jika iklan tentang isu ini kerap dipaparkan di media.

Sebagai kesimpulannya, pendidikan integriti terhadap remaja bukan terletak pada bahu ibu bapa sahaja sebagai insan paling rapat dengan remaja, malah semua pihak perlu bekerjasama dalam menyemai nilai murni ini supaya negara ini dapat memiliki warganegara bersahsiah mulia dan bebas amalan rasuah. Seperti hasrat negara agar hal ini dapat direalisasikan pada suatu hari nanti, pendidikan integriti terhadap warganegara perlu disemai sedari mereka remaja lagi. 

Remaja perlu menjalankan amanah dan perkara yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan perasaan yang ikhlas.



**Gambar 1**

Pendidikan integriti dalam kalangan remaja juga dapat dilaksanakan dalam subjek yang diajarkan di sekolah.

**Gambar 2**

Bahan bacaan yang menerapkan nilai integriti juga kini mudah ditemukan di mana-mana.

